



# KENYATAAN AKHBAR

## ABM TIMUR LAHIR 77,000 PERSONEL BINAAN

**Kuala Berang, Terengganu, 19 September 2017:** Seramai 77,000 personel binaan yang terdiri daripada warga tempatan berjaya dilahirkan Akademi Binaan Malaysia (ABM) Wilayah Timur sejak penubuhannya 19 tahun lepas.

Daripada jumlah itu, 21,556 adalah Program Latihan Kemahiran Belia, 36,045 adalah Program Latihan Kemahiran Personel Binaan sementara selebihnya adalah Program Latihan Kemahiran Kerjasama Industri.

Dari tahun 2010 sehingga Ogos 2017 pula, seramai 209,630 belia dan personel binaan telah mengikuti program latihan kemahiran di enam pusat latihan ABM seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.

Timbalan Menteri Kerjaraya, Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin berkata, dalam Rancangan Malaysia ke Sebelas (RMKe-11) kerajaan berhasrat untuk menyediakan tenaga kerja berkemahiran dan berpendapatan tinggi menjelang 2020.

"Saya melihat usaha CIDB menerusi ABM ini mampu mencapai hasrat kerajaan untuk melahirkan lebih ramai tenaga kerja berkemahiran dan berpendapatan tinggi dalam bidang pembinaan. Ini sejahter dengan teras strategik Produktiviti di bawah Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP).

"Pertemuan saya dengan alumni ABM yang telah menjadi usahawan pembinaan selain bekerja di dalam pelbagai tred pembinaan adalah bukti bahawa pencapaian akademik bukanlah satu-satunya jalan untuk memperoleh pendapatan lumayan dan masa depan yang cerah," katanya ketika berucap dalam Majlis Graduasi Akademi Binaan Malaysia Wilayah Timur hari ini.

Hadir sama dalam majlis tersebut ialah Haji Tengku Putera Bin Tengku Awang, Exco Perindustrian & Perdagangan Negeri Terengganu merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kuala Berang yang mewakili Menteri Besar Terengganu, Dato' Seri Haji Ahmad Razif Bin Abd. Rahman. Turut hadir, Pengurus CIDB Malaysia, Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali dan Ketua Eksekutif, CIDB Malaysia Dato' Ir. Ahmad 'Asri Bin Abdul Hamid.

Seramai 130 pelatih ABM Wilayah Timur yang berjaya menamatkan latihan mereka melalui Program Latihan Kemahiran Belia dan juga Program Latihan Kemahiran Personel Binaan diraikan hari ini.

Jumlah itu, adalah termasuk 15 pelatih cemerlang di bawah Program Latihan Kemahiran Belia dan 5 orang pelatih cemerlang di bawah Program Latihan Kemahiran Personel Binaan. Seramai 31 jurulatih ABM pula, menerima '*Certificate IV Training & Assessment*' (TAE 40110) dari Australia atas kejayaan menamatkan kursus kompetensi tersebut.

Pada masa yang sama 15 rakan kolaborasi industri turut diiktiraf atas sumbangan mereka dalam meningkatkan industri pembinaan menerusi perkongsian pengalaman dan pengetahuan. Di mana, sebahagian daripada mereka adalah alumni ABM yang merupakan testimoni kejayaan program ABM dalam membangunkan ekosistem pembinaan di Wilayah Pantai Timur.

Selain itu, **Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT)** dan **CIDB MyIBS Sdn. Bhd** turut menandatangani memorandum persefahaman (MoU) untuk pelaksanaan Sistem Pembinaan Berindustri (IBS) dan pembangunan modal insan bagi industri pembinaan di Terengganu. Manakala, **SIPCO Sdn. Bhd.** dan **CWORKS Technologies Sdn. Bhd.** pula memeterai MoU dengan **CIDB Malaysia** untuk inisiatif pembangunan modal insan.

ABM adalah pusat penilaian dan latihan di bawah kendalian Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) yang memberi peluang kepada golongan belia dan personel mendalamai kemahiran dalam industri binaan.

Sebanyak 6 kampus ABM beroperasi di koridor ekonomi seluruh Malaysia termasuk Kuala Lumpur, Kedah, Johor, Terengganu, Sabah dan Sarawak.

Untuk maklumat lanjut sila layari [www.cidb.gov.my](http://www.cidb.gov.my) / [www.akademibinaan.com.my](http://www.akademibinaan.com.my)

---

### **Mengenai CIDB**

*Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada professionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.*